



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-HUKMI**

**PANDANGAN FATWA MENGENAI STATUS SOLAT JUMAAT  
DI MASJID KHULAFA' AR-RASHIDIN, KOLEJ MATRIKULASI KEDAH**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh pihak YBhg. Tuan Pegawai Agama Daerah Kubang Pasu dan bersetuju memberi pandangan bahawa;

1. Antara syarat sah solat Jumaat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya empat puluh (40) orang lelaki yang bermastautin.
2. Sekiranya syarat tersebut tidak dapat disempurnakan disebabkan arahan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, maka solat Jumaat di Masjid Khulafa' al-Rashidin, Kolej Matrikulasi Kedah hendaklah digantikan dengan solat Zohor.
3. Bagaimanapun, memandangkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 masih berkuat kuasa maka pihak Kolej hendaklah mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) dari semasa ke semasa.

**TARIKH KEPUTUSAN : 19 OGOS 2020**